KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	20/12/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	UMUM			



Kerja membersih giat dilakukan susulan kejadian tanah runtuh dan pokok tumbang di Kilometer 69.5 Lebuh Raya Kuala Lumpur – Karak menghala ke Bentong. (Foto Aswadi Alias/BH)

Beberapa kawasan alami tanah runtuh

Hujan lebat lebih 24 jam punca kejadian di lebuh raya, kawasan perumahan

Oleh Faris Fuad dan Roselan Ab Malek
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hujan lebat berterusan lebih 24 jam kelmarin, turut menyebabkan kejadian tanah runtuh di beberapa kawasan.

Dalam kejadian di Jalan Palinbayan, Sungai Penchala, di sini, tanah runtuh turut menyebabkan seorang warga emas terkurung dalam rumah.

Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Amihizam Abdul Shukor, berkata mangsa cedera ringan dan sudah diselamatkan anggota bomba pada tengah malam kelmarin.

Kejadian sama turut dilaporkan berhampiran Pangsapuri Teratai dan Medan Selera Majlis Perbandaran Selayang (MPS) di Bandar Baru Selayang, dekat Gombak, malam kelmarin.

Penduduk pangsapuri berkenaan, Muzarina Mustapa, berkata setakat ini tiada penduduk dilaporkan cedera akibat kejadian pada jam 9 malam itu, yang berkemungkinan berpunca daripada hujan lebat sejak beberapa hari ini.

Polis turut menerima laporan kejadian tanah runtuh di bahu jalan berdekatan Tahfiz Al-Munawarah, Taman Melawati dan Jalan Bunga Anggerik Dataran Ukay, Hulu Kelang, dekat Ampang. Satu keluarga membabitkan seorang lelaki, seorang wanita dan seorang bayi, selain 12 pelajar lelaki pusat tahfiz berkenaan dipindahkan ke Dewan Kampung Kemensah.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Farouk Eshak, berkata pihaknya, bomba dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) membuat kawalan serta pemantauan di lokasi kejadian.

Di **Seremban**, tiada mangsa yang cedera atau kenderaan tertimbus dalam kejadian tanah runtuh dan pokok tumbang di Bukit Tangga, dekat Pantai, malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Mohd Fazley Ab Rahman, berkata 20 kereta terkandas ekoran laluan terputus dalam kejadian kira-kira jam 9 malam itu.

Di **Jerantut**, sebanyak 10 laluan di beberapa lokasi sepanjang Lebuh Raya Kuala Lumpur - Karak (KLK) ditutup berikutan banjir dan tanah runtuh pada jam 8 pagi semalam.

Pengurus Besar Kanan syarikat konsesi KLK dan Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), ANIH Berhad, Radzimah Mohd Radzi, berkata bantuan makanan diberikan kepada mangsa terkandas dan bot penyelamat juga dihantar ke lokasi kejadian untuk membawa mangsa keluar.

Katanya, kerja baik pulih laluan dilakukan segera bagi membolehkan pengguna dapat ke destinasi masing-masing dengan selamat dan keadaan terkini lebuh raya boleh diperoleh menerusi media sosial ANIH Berhad iaitu di Twitter @LPTTrafik serta Facebook @Lebuhraya Pantai Timur atau hubungi LPT-Line di 09 5479111 atau 1-700-818-700.